

UNTUK SIARAN SEGERA

HASiL/2024/08/01 -56

PRESTASI SISTEM MYINVOIS LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASiL)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan e-Invois secara mandatori bagi syarikat yang merekodkan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta bermula pada hari ini, menandakan era baharu dalam usaha mendigital dan memperkasa sistem percukaian negara.

Rekod penerimaan e-invois sehingga jam 12:00 tengah hari menunjukkan jumlah penghantaran yang berjaya telah mencecah kepada 520,000 dan sistem MyInvois tersedia untuk digunakan oleh para pengguna. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan media dan aduan yang diterima, terdapat pengguna yang masih menghadapi kesukaran untuk mengakses kepada sistem MyInvois. Untuk mengatasi masalah ini, pihak HASiL menyarankan pengguna untuk log masuk semula kepada sistem MyInvois dan sentiasa membersihkan *cache* pelayar secara berkala.

Demi memastikan agenda nasional kerajaan ini direalisasikan, HASiL optimis dalam memastikan persiapan pelaksanaan e-Invois berlangsung dengan sebaik mungkin sekali gus meletakkan platform e-Invois ini kekal sebagai pemacu utama sistem

percukaian negara. HASiL juga komited untuk memberikan sokongan berterusan dan menangani apa-apa kebimbangan yang mungkin timbul semasa tempoh peralihan kepada sistem MyInvois.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan e-Invois boleh disalurkan melalui:

- Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- MyInvois Live Chat;
- e-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 1 Ogos 2024



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia